



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

LAWATAN KE PROGRAM PENTERNAKAN MADU KELULUT PUTRAJAYA

Putrajaya 23 April- YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluangkan masa kira-kira sejam melawat program penternakan madu kelulut Putrajaya yang diusahakan oleh komuniti Presint 9, pagi ini.

Ia merupakan Program Pertanian Bandar Putrajaya (Putrajaya Urban Farming Program) berasaskan komuniti atau "community based" yang sebelum ini berjaya memenangi beberapa Anugerah Kejiranan Hijau di peringkat nasional.

Program "community based" ini juga telah memenangi anugerah di peringkat antarabangsa iaitu "Livable Community Awards 2012 Al Ain Abu Dhabi," bagi kategori "Community Garden".

Dalam lawatannya, Dato' Seri Dr. Wan Azizah menyaksikan demonstrasi tuai madu kelulut, melawat kebun buah "rock melon" sambil beramah mesra dengan komuniti pertanian bandar Putrajaya.

Lawatan ini diatur bagi membolehkan Timbalan Perdana Menteri melihat sendiri penternakan madu kelulut memandangkan beliau seringkali menjadikan madu kelulut sebagai cenderahati kepada Ketua-ketua negara dan delegasi asing sebagai salah satu usaha mempromosikan produk Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri turut berharap agar projek sebegini dapat dicontohi oleh komuniti-komuniti di tempat lain dan diperkembangkan sebagai salah satu aktiviti sihat yang dapat menjana pendapatan.

###

Disediakan oleh :

Pejabat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.